

21 DEC 2002

WAJIBKAN LELAKI IKUTI KURSUS KEBAPAAN, KATA ZALEHA

PULAU PINANG, 21 Dis (Bernama) -- Kerajaan perlu mewajibkan kaum lelaki menjalani kursus kebapaan yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam usaha membantu golongan bapa membentuk keluarga sejahtera dan bahagia.

Pengerusi LPPKN Datin Paduka Zaleha Ismail berkata ini kerana sambutan kaum lelaki terhadap kursus itu yang diperkenalkan lima tahun lepas itu amat kurang.

LPPKN akan menyerahkan kertas cadangan berhubung perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi untuk memastikan modul yang disediakan mencapai matlamatnya, katanya.

Sepatutnya kaum bapa komited untuk menyertai kursus seumpama itu bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Utamakan Keluarga di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini hari ini.

"Kursus kebapaan perlu diwajibkan kerana sejak ia diperkenalkan lima tahun lepas, kursus itu kurang mendapat sambutan daripada kaum lelaki, berbanding penyertaan kaum perempuan bagi kursus keibubapaan," katanya.

Beliau juga berkata kursus-kursus lain seperti "bahtera kasih" yang dikhususkan bagi memantapkan perkahwinan juga kurang mendapat sambutan daripada kaum lelaki berbanding wanita.

-- BERNAMA

SA RHM